

## Pendekatan Psikologi Dakwah dalam Pemulihan Tingkah Laku Delinkuen Remaja Perempuan: Satu Kajian Kes

### **The Psychological Da'wah Approach in the Rehabilitation of Delinquent Behaviour among Female Adolescents: A Case Study**

\*NUR ALEEYA ZAINI, FARIZA MD SHAM &  
SITI JAMIAAH ABDUL JALIL

#### ABSTRAK

Tingkah laku delinkuen remaja perempuan semakin membimbangkan kerana keterlibatan mereka bukan sahaja dalam perkara yang melanggar norma tetapi juga aktiviti yang melanggar undang-undang. Realiti ini menuntut pendekatan alternatif yang lebih menyeluruh dan holistik bagi memahami secara jelas pendekatan berkesan menangani masalah ini. Pendekatan psikologi dakwah mempunyai potensi dalam menangani isu ini kerana menggabungkan bimbingan psikologi dan prinsip dakwah Islam khususnya dalam memberi bimbingan pemulihan aspek jiwa dan akhlak. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan secara kuantitatif dengan pengumpulan data melalui soal selidik berstruktur. Seramai 42 orang remaja perempuan yang merupakan penghuni Asrama Bahagia, Kampung Pandan, Kuala Lumpur telah dipilih secara bertujuan sebagai responden. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif (kekerapan, peratus dan min) melalui perisian SPSS versi 23. Dapatan menunjukkan bahawa tiga bentuk tingkah laku delinkuen yang paling dominan ialah melakukan seks, menggunakan *vape*, dan ponteng sekolah. Dari sudut pendekatan psikologi dakwah, responden menunjukkan kesan positif tertinggi terhadap amalan membaca Surah al-Fatihah, berdoa, dan beristighfar. Kajian ini menyimpulkan bahawa pendekatan *tazkiyah al-nafs* merupakan kaedah yang paling sesuai untuk dilaksanakan dalam usaha memulihkan remaja berisiko, kerana ia memberi penekanan kepada penyucian jiwa dan pembentukan sendiri berasaskan nilai keimanan. Implikasi kajian ini membuka ruang kepada pengukuhan modul intervensi dakwah bersepadu dalam institusi pemulihan remaja di Malaysia.

**Kata kunci:** Remaja, delinkuen, psikologi dakwah, *tazkiyah al-nafs*, pemulihan akhlak

## ABSTRACT

*The delinquent behaviour of female adolescents is becoming increasingly alarming, as their involvement extends beyond violations of social norms to include activities that breach legal boundaries. This reality calls for a more comprehensive and holistic alternative approach to effectively understand and address the issue. The psychological da'wah approach holds significant potential in tackling this problem, as it integrates psychological guidance with Islamic preaching principles, particularly in the rehabilitation of the soul and character. This study employed a quantitative survey design, with data collected through a structured questionnaire. A total of 42 female adolescents residing at Asrama Bahagia, Kampung Pandan, Kuala Lumpur were purposefully selected as respondents. The data were analysed using descriptive statistics (frequency, percentage, and mean) via SPSS version 23. The findings revealed that the three most prevalent forms of delinquent behaviour were engaging in sexual activities, using vape, and truancy. In terms of the psychological da'wah approach, respondents reported the most positive impact from practices such as reciting Surah al-Fatihah, making supplications (du'a), and seeking forgiveness (istighfar). The study concludes that the tazkiyah al-nafs approach is the most suitable method for rehabilitating at-risk adolescents, as it emphasises soul purification and self-development grounded in faith-based values. The implications of this study underscore the need to strengthen integrated da'wah intervention modules within adolescent rehabilitation institutions in Malaysia.*

**Keywords:** *Adolescents, delinquency, da'wah psychology, tazkiyah al-nafs, rehabilitation akhlak*

Diterima: 23 April 2025  
Diterima akhir: 16 Jun 2025

Disemak semula: 12 Mei 2025  
Diterbitkan: 30 Jun 2025

## PENDAHULUAN

Realiti sosial masa kini memperlihatkan peningkatan ketara dalam gejala tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja di Malaysia. Remaja yang seharusnya berada pada tahap pembinaan jati diri dan nilai murni semakin ramai terlibat dalam salah laku sosial seperti ponteng sekolah, buli, penyalahgunaan dadah, seks bebas, dan vandalisme. Menurut Malaysia Youth Data Bank System (2025), sebanyak 1573 kes jenayah juvana dilaporkan pada tahun 2024 sehingga September melibatkan kesalahan rogol, curi, mencederakan, curi motosikal, pecah rumah, dan samun bersenjata yang majoritinya dilakukan oleh remaja berumur antara 16 hingga 18 tahun. Fenomena ini bukan sahaja membimbangkan ibu bapa dan pendidik, malah turut memberi kesan kepada keselamatan dan keharmonian

sosial negara. Lebih membimbangkan, tingkah laku delinkuen ini kini tidak hanya terfokus kepada remaja lelaki sahaja malah melibatkan remaja perempuan. Sebagai contoh, jika dahulu kes buli sehingga mencederakan fizikal seseorang majoritinya melibatkan remaja lelaki, namun pada masa kini, turut melibatkan remaja perempuan (Zuliaty 2025). Kajian oleh Wan Abdul Fattah et al. (2021) menyatakan bahawa antara punca utama yang menyumbang kepada gejala sosial remaja termasuklah kurangnya pendidikan agama, kegagalan institusi keluarga, tahap pendidikan yang rendah, pengaruh rakan, pergaulan bebas serta teknologi tanpa sempadan.

Secara akademik, delinkuensi remaja perempuan telah mendapat perhatian pelbagai disiplin ilmu termasuk psikologi, sosiologi dan pendidikan. Delinkuen ditakrifkan sebagai sebarang perlakuan yang bercanggah dengan norma sosial dan undang-undang seperti mencuri, mencederakan, merosakkan harta benda, atau melanggar disiplin di sekolah (Norruzeyati & Norzalinda 2015). Dalam konteks remaja perempuan, tingkah laku ini sering berpunca daripada konflik emosi, pengalaman trauma, gangguan identiti serta ketiadaan bimbingan rohani dan sosial yang berkesan. Kajian Norruzeyati & Norzalinda (2015) yang memfokuskan kepada remaja perempuan di institusi pemulihan mendapati bahawa faktor dalaman seperti ketidakstabilan emosi, pengalaman trauma, serta kurangnya bimbingan agama menjadi penyumbang utama kepada tingkah laku devian.

Pelbagai pendekatan psikologi konvensional telah diperkenalkan seperti terapi tingkah laku, kaunseling, dan intervensi kognitif. Namun, pendekatan ini sering kali bersifat sekular dan kurang menekankan dimensi rohani. Justeru itu, pendekatan psikologi dakwah telah diketengahkan sebagai satu kaedah alternatif yang menyeluruh, yang mengintegrasikan prinsip psikologi dan nilai dakwah Islam. Fariza Md Sham (2015) mencadangkan bahawa pendekatan psikologi dakwah menggabungkan pemahaman terhadap jiwa manusia dengan nilai-nilai keagamaan, seperti penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*), dorongan *al-targhīb* dan peringatan *al-tarhīb*, serta pendekatan kasih sayang dan empati.

Kajian Mohamed Hamdan Abdullah et al. (2022), pendekatan motivasi dalam konteks dakwah Islam terbukti dapat mendorong perubahan positif dalam kalangan remaja apabila mereka disedarkan dengan balasan akhirat serta hikmah amalan kebaikan. Pendekatan ini lebih dekat dengan jiwa remaja Muslim kerana ia tidak hanya memberi maklumat, tetapi membangkitkan kesedaran spiritual serta keinginan untuk berubah demi keredaan Allah SWT. Secara keseluruhannya, literatur semasa menekankan bahawa gabungan prinsip psikologi dan dakwah Islam berupaya menangani delinkuensi remaja perempuan secara lebih menyeluruh, terutama dalam konteks institusi pemulihan akhlak.

Sokongan terhadap pendekatan ini turut diperlihatkan dalam kajian Abd Majid et al. (2023), yang menunjukkan keberkesanan program pemulihan akhlak seperti Modul Putra dan Modul Pemeraksanaan Kerohanian yang menekankan pembangunan spiritual dan sahsiah secara sistematik. Program ini terbukti mampu menyuburkan kesedaran agama dan nilai sendiri dalam kalangan penghuni institusi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Penjara Malaysia.

Manakala pusat kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat menggunakan Modul Pemeraksanaan Kerohanian yang dibangunkan bersama JAKIM untuk memperkukuh nilai agama melalui aktiviti seperti qiamullail, selawat berjemaah, serta pertandingan yang berteraskan nilai Islam. Keseluruhan pelaksanaan ini menunjukkan bahawa integrasi elemen rohani dalam program pemulihan mampu membentuk jati diri dan menyuburkan kesedaran spiritual dalam kalangan remaja delinkuen sebagai asas perubahan yang lebih berkesan dan berterusan.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan pendekatan psikologi dakwah dalam memulihkan tingkah laku delinkuen remaja perempuan, dengan memberi fokus kepada penghuni Asrama Bahagia, Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Pemilihan fokus kepada pemulihan (bukan pencegahan) dalam kalangan remaja perempuan ini adalah selaras dengan keperluan semasa yang mendesak pendekatan yang lebih mendalam dan holistik. Ini kerana pendekatan konvensional sering kali gagal menyentuh akar masalah dalaman seperti kekosongan jiwa dan ketidakstabilan emosi. Kajian ini juga berhasrat untuk membuka dimensi baharu dalam bidang psikologi dakwah kontemporari dengan menempatkannya sebagai satu mekanisme terapeutik yang menyentuh dimensi emosi, rohani dan pemikiran dalam konteks pemulihan remaja delinkuen secara sistematik dan bersepadu.

## KONSEP DAN BENTUK-BENTUK TINGKAH LAKU DELINKUEN

Delinkuen ditakrifkan sebagai individu yang melanggar norma masyarakat dan undang-undang, sama ada melalui perlakuan negatif seperti mencuri, merosakkan harta benda, bergaduh, atau melarikan diri dari rumah. Tingkah laku ini mencerminkan kemerosotan akhlak remaja dan dikategorikan sebagai delinkuen harta benda, kekerasan, atau status. Remaja dengan gejala delinkuen yang didapati bersalah boleh dikenakan hukuman di bawah Akta Kanak-Kanak 2001, termasuk penempatan di institusi seperti Sekolah Tunas Bakti (Norruzeyati & Norzalinda, 2015).

Tingkah laku delinkuen sering dilabel oleh masyarakat dengan istilah seperti samseng, gangster, atau penagih dadah, yang memperlihatkan persepsi negatif terhadap golongan ini. Menurut kajian Norruzeyati & Norzalinda (2015), terdapat enam kegiatan delinkuen yang sering dilakukan remaja, termasuk melepak, lari dari rumah, melakukan hubungan seks, penyalahgunaan bahan, terlibat dalam geng, dan mencuri. Individu yang tergolong dalam kumpulan ini menunjukkan tingkah laku devian yang mencabar norma masyarakat. Perilaku mereka biasanya tidak dapat dikawal oleh sekolah atau ibu bapa, seperti penggunaan bahasa kesat atau tindakan jenayah yang lebih serius, yang memerlukan perhatian khusus bagi menangani masalah ini secara menyeluruh.

Tingkah laku delinkuen mencerminkan cabaran dalam proses pembentukan identiti remaja, yang melibatkan interaksi dengan persekitaran luaran. Ketidakupayaan untuk mematuhi norma masyarakat membawa kepada konflik sosial dan pelabelan negatif yang menghalang pemulihan mereka. Oleh itu, pendekatan yang lebih empati dan proaktif diperlukan oleh pihak berkuasa, sekolah, dan ibu bapa untuk mengawal masalah ini dan membimbing remaja ke arah kehidupan yang lebih baik.

## FAKTOR TINGKAH LAKU DELINKUEN REMAJA

Pelbagai faktor telah dikenal pasti menyebabkan delinkuen dalam kalangan remaja. Berikut merupakan antara faktor yang mempengaruhi tingkah laku delinkuen remaja.

### Faktor Diri Sendiri

Menurut al-Ghazali (2010), diri manusia mempunyai dua sisi: kecenderungan baik yang terbentuk melalui penyucian jiwa (*tazkiyah*) dan kecenderungan buruk tanpa bimbingan akhlak. Kajian Norruzeyati & Norzalinda (2015) mendapati faktor dalaman individu seperti sikap dan kepercayaan anti-sosial, pengalaman didera secara fizikal dan seksual, serta penyalahgunaan dadah menyumbang kepada tingkah laku delinkuen. Brislin et al. (2024) mendapati bahawa tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja perempuan berkait rapat dengan tahap empati dan ketakutan yang rendah, tahap impulsif, agresif, dan tingkah laku luaran bermasalah yang tinggi.

### Faktor Keluarga

Faktor keluarga merupakan punca utama yang mendorong kepada tingkah

laku delinkuen dalam kalangan remaja (Abd Majid et al. 2021). Kepincangan keluarga seperti bapa kaki judi, berpoligami, mencuaikan tanggungjawab, serta perceraian ibu bapa menjadi penyebab utama ketidakstabilan emosi dan tingkah laku remaja (Sun & Wang 2023). Kurangnya kasih sayang, komunikasi, dan pengawasan daripada ibu bapa, terutama dalam keluarga tunggal, turut memberi kesan buruk apabila anak-anak dibiarkan tanpa bimbingan yang mencukupi. Ketiadaan didikan agama yang sewajarnya, seperti penerapan solat dan amalan membaca al-Quran, menambah lagi risiko remaja terjebak dalam gejala sosial. Masalah ini bertambah buruk apabila kemiskinan keluarga menyebabkan remaja terdedah kepada tekanan ekonomi, kekurangan perhatian, dan pengaruh negatif rakan sebaya, yang akhirnya mencetuskan delinkuen.

### Faktor Media Sosial

Media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter, dan TikTok, memainkan peranan penting dalam kehidupan remaja, memberikan kesan positif dan negatif. Pendedahan berlebihan kepada kandungan negatif seperti unsur keganasan, buli siber, dan budaya hedonisme boleh mempengaruhi tingkah laku remaja, mendorong mereka ke arah gaya hidup bebas dan berisiko (Azizan et al. 2022). Kurangnya kawalan ibu bapa terhadap penggunaan media sosial memburukkan lagi keadaan, membiarkan remaja terdedah kepada pengaruh negatif tanpa bimbingan. Media sosial juga mempromosikan budaya hedonisme iaitu suka berhibur secara berlebihan dan gaya hidup artis yang sering diikuti remaja.

### Faktor Rakan Sebaya

Rakan sebaya memainkan peranan penting dalam membentuk akhlak dan peribadi remaja (Abd Majid 2021). Rakan sebaya merupakan remaja yang tergolong dalam peringkat umur yang sama atau mempunyai paras kematangan yang sama seperti rakan sekolah yang mempunyai hubungan persahabatan dalam berkongsi pengalaman, perasaan dan pandangan tentang hidup. Banyak kajian menunjukkan rakan sebaya dapat mempengaruhi remaja ke arah tingkah laku negatif seperti penyalahgunaan dadah, lumba haram, dan ponteng sekolah melalui pujukan, hubungan rapat, dan norma kumpulan (Azizan 2022). Remaja yang mudah terpengaruh oleh semangat ingin mencuba atau rasa tercabar berisiko tinggi terlibat dalam kegiatan salah laku

## PENDEKATAN PSIKOLOGI DAKWAH

Psikologi dakwah menggabungkan kajian psikologi dan prinsip dakwah untuk memahami dan mempengaruhi jiwa manusia dalam proses dakwah. Psikologi dakwah bermaksud penggunaan pendekatan psikologi dalam kerja dakwah, yang memberi tumpuan kepada bimbingan jiwa dan rohani, terutama dalam memulihkan remaja bermasalah (Fariza Md Sham, 2014). Pendekatan ini bukan hanya kajian kejiwaan tetapi juga kaedah dakwah yang menggunakan dua disiplin ilmu untuk menyeru manusia kepada ajaran Islam. Menurut Ab Aziz et al. (2020), psikologi dakwah bertujuan memberikan pembelajaran tentang jiwa manusia dalam konteks dakwah, dengan matlamat memastikan kesejahteraan manusia di dunia dan akhirat. Gabungan ini amat relevan dalam menangani isu delinkuen remaja, kerana ia menawarkan cara dakwah yang lebih empati dan berkesan, berasaskan pemahaman terhadap jiwa dan perwatakan manusia. Berikut merupakan pendekatan psikologi dakwah yang dikaji dalam kajian ini bagi menangani tingkah laku delinkuen remaja.

### Pendekatan Tazkiyah Al-Nafs

Menurut Fariza Md Sham et al. (2013) dalam bukunya yang bertajuk “Pesonaliti dari Perspektif al-Ghazali” menyatakan bahawa *tazkiyah al-nafs* ialah penyucian diri manusia atau jiwa dari sifat tercela. Proses *tazkiyah al-nafs* melibatkan proses penyucian jiwa daripada sifat-sifat mazmumah. pendekatan psikologi dakwah dengan menangani tingkah laku delinkuen remaja melalui pendekatan *tazkiyah al-nafs* sesuai dengan fitrah jiwa manusia semulajadi. Ini kerana ia fokus terus kepada penyucian jiwa dari kekotoran, kerana jiwa adalah sesuatu yang ada dalam diri manusia dan ia dapat menerima arahan kepada kebaikan atau keburukan berdasarkan pemilikinya.

### Pendekatan Motivasi

Menurut Mohamed Hamdan Abdullah et. al. (2022) pendekatan motivasi dalam kehidupan beragama remaja memberi fokus pada penggunaan konsep *al-Targhib* (motivasi untuk berbuat kebaikan) dan *al-Tarhib* (peringatan tentang kesan buruk perbuatan) sebagai cara yang sesuai untuk mendekati remaja. Pendekatan ini bertujuan untuk memberi dorongan positif dan juga amaran yang relevan dengan fitrah manusia, khususnya bagi remaja yang terdedah kepada pelbagai cabaran sosial dan emosi.

### Pendekatan Bimbingan Jiwa dan Kaunseling Islam

Menurut Fariza Md Sham & Azzyati Mohd Mazim (2015) remaja berisiko perlu diberi bimbingan pada peringkat awal lagi supaya mereka tidak

terjerumus ke dalam jenayah yang lebih berat. Pendekatan bimbingan jiwa merupakan salah satu pendekatan psikologi dakwah kepada remaja yang bertingkah laku delinkuen dengan memfokuskan kepada kaedah bimbingan jiwa. Terdapat tiga kaedah bimbingan jiwa iaitu kaunseling secara langsung, bimbingan secara berkelompok, bimbingan keluarga dan perkahwinan dan bimbingan jiwa remaja dan belia. Tujuan utama bimbingan dan kaunseling adalah untuk membimbing jiwa dan keupayaan remaja dalam menyelesaikan masalah yang berpunca dari faktor peribadi dan personaliti

### Pendekatan Kasih Sayang

Pendekatan kasih sayang dalam psikologi dakwah memainkan peranan penting dalam menangani tingkah laku delinkuen remaja. Pendekatan ini bertujuan untuk menggalakkan perubahan positif dalam diri remaja dengan menekankan nilai kasih sayang dan perhatian, yang mampu membentuk asas psikologi yang sihat dan menyumbang kepada perubahan tingkah laku jangka panjang. Pendekatan kasih sayang dalam dakwah psikologi memandang aspek emosi sebagai pusat transformasi bagi remaja yang berdepan dengan delinkuen. Remaja yang terlibat dalam kegiatan delinkuen biasanya mengalami pelbagai masalah psikososial, seperti kekurangan kasih sayang keluarga, pengaruh negatif persekitaran, dan tekanan sosial yang tidak terkawal.

### SOROTAN KAJIAN

Sorotan literatur dalam kajian ini menumpukan kepada tiga aspek utama iaitu delinkuensi remaja perempuan, pendekatan psikologi dakwah dalam konteks pemulihan, dan keberkesanan intervensi rohani dalam institusi pemulihan akhlak.

Beberapa kajian lepas telah menekankan bahawa remaja perempuan yang terlibat dengan tingkah laku delinkuen menunjukkan ciri-ciri tekanan emosi, gangguan identiti, dan kekurangan bimbingan spiritual. Norruzeyati & Norzalinda (2015) mendapati bahawa faktor dalaman seperti pengalaman trauma dan ketidakstabilan emosi menjadi pendorong utama kepada perlakuan delinkuen dalam kalangan remaja perempuan institusi pemulihan. Dapatan ini disokong oleh kajian Wan Abdul Fattah et al. (2021) yang menunjukkan bahawa keruntuhan institusi keluarga dan pengaruh persekitaran turut memberi kesan langsung kepada tingkah laku devian.

Dalam konteks pemulihan, kajian Abd Majid et al. (2023) menunjukkan bahawa integrasi elemen kerohanian seperti Modul Putra dan Modul Pemerksaan Kerohanian oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat berjaya membina semula sahsiah remaja melalui pendekatan nilai Islam,

aktiviti rohani, dan intervensi berasaskan iman. Pendekatan ini terbukti lebih efektif berbanding kaedah disiplin dan kaunseling konvensional yang bersifat arahan dan hukuman.

Pendekatan psikologi dakwah, sebagaimana dikembangkan oleh Fariza Md Sham (2015), merupakan pendekatan interdisiplin yang menggabungkan prinsip psikologi dan nilai-nilai dakwah Islam dalam memahami dan membimbing jiwa manusia. Pendekatan ini merangkumi empat aspek utama iaitu *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa), *al-targhīb* dan *al-tarhīb* (motivasi dan peringatan), bimbingan jiwa dan kaunseling Islam, dan pendekatan kasih sayang dan empati.

Kajian Noor Amila (2018) membuktikan keberkesanan pendekatan psikologi dakwah dalam program pemulihan remaja perempuan di Sekolah Tunas Bakti, dengan dapatan menunjukkan peningkatan kesedaran diri dan nilai keinsafan dalam kalangan pelatih yang menerima bimbingan berteraskan kerohanian Islam.

Namun begitu, masih terdapat kekurangan kajian yang menilai secara empirikal keberkesanan pendekatan psikologi dakwah dalam konteks institusi pemulihan wanita Islam. Selain itu, tumpuan terhadap pengalaman dan respon remaja perempuan secara spesifik terhadap elemen seperti zikir, doa, dan kasih sayang guru masih kurang diterokai secara kuantitatif. Kajian ini cuba mengisi jurang tersebut dengan memberi fokus kepada keberkesanan pendekatan psikologi dakwah dalam membentuk pemulihan dari dalam — bukan sekadar pencegahan tingkah laku.

#### ASRAMA BAHAGIA, KAMPUNG PANDAN, KUALA LUMPUR, JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Asrama Akhlak adalah institusi yang ditubuhkan di bawah Seksyen 61(1) Akta Kanak-Kanak 2001 untuk tujuan pemulihan dan penjagaan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah serta mereka yang tidak terkawal. Penempatan kanak-kanak di asrama ini adalah berdasarkan perintah mahkamah, dengan tempoh pemulihan berbeza mengikut kategori seperti kes reman, pemindahan ke Sekolah Tunas Bakti, atau cubaan akhlak. Institusi ini menyediakan perkhidmatan bagi membantu kanak-kanak dan remaja melalui fasa pemulihan, melindungi mereka daripada ancaman sosial serta menyediakan asas kehidupan yang stabil dari aspek emosi, psikologi, dan pendidikan.

Salah satu contoh institusi seperti ini ialah Asrama Bahagia di Kampung Pandan, yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Asrama Bahagia, Kampung Pandan, Kuala Lumpur merupakan sebuah institusi di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang

ditubuhkan khusus untuk pemulihan akhlak remaja perempuan berumur antara 14 hingga 18 tahun. Remaja yang ditempatkan di sini terdiri daripada mereka yang terlibat dengan tingkah laku delinkuen seperti ponteng sekolah, pergaulan bebas, salah laku moral dan pelbagai isu sosial lain. Penempatan di Asrama Bahagia dilakukan melalui perintah mahkamah di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Institusi ini menyediakan persekitaran terkawal yang menggabungkan disiplin, pendidikan akademik dan latihan kemahiran bagi membentuk semula sahsiah remaja melalui pendekatan menyeluruh dan bersepadu.

Program pemulihan di Asrama Bahagia menumpukan kepada pembangunan spiritual, emosi dan kemahiran sosial melalui pendekatan berasaskan nilai Islam, bimbingan psikososial dan pendidikan kerohanian (Mohd Jodi & Mansor 2019). Antaranya termasuklah kelas agama, aktiviti keagamaan seperti solat berjemaah, tazkirah, qiamullail, serta kaunseling individu dan kelompok. Selain itu, pelatih juga mengikuti latihan kemahiran vokasional seperti menjahit, memasak, dan penjagaan diri sebagai persediaan untuk proses integrasi sosial. Matlamat utama program ini adalah untuk memulihkan identiti diri dan membina jati diri remaja ke arah kehidupan yang lebih bermakna dan berakhlak selepas tamat tempoh pemulihan.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes secara kuantitatif deskriptif, yang memberi tumpuan kepada satu institusi pemulihan akhlak, iaitu Asrama Bahagia, Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Pendekatan ini dipilih bagi memahami dengan lebih mendalam corak tingkah laku delinkuen remaja perempuan dan menilai keberkesanan pendekatan psikologi dakwah dalam konteks yang nyata dan terfokus.

Seramai 42 orang remaja perempuan yang merupakan penghuni Asrama Bahagia telah dipilih sebagai responden kajian melalui kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Pemilihan ini dibuat berdasarkan kriteria umur antara 13 hingga 17 tahun, serta status mereka sebagai remaja yang terlibat dengan salah laku sosial dan sedang mengikuti program pemulihan akhlak di institusi tersebut.

Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang dibangunkan berdasarkan literatur terdahulu dan kerangka pendekatan psikologi dakwah. Soal selidik ini mengandungi empat bahagian iaitu:

Bahagian 1: Profil Demografi Responden

Bahagian 2: Bentuk-Bentuk Tingkah Laku Delinkuen

Bahagian 3: Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Tingkah Laku Delinkuen  
 Bahagian 4: Pendekatan Psikologi Dakwah

Setiap item di dalam bahagian 2, 3 dan 4 dinilai menggunakan skala Likert lima mata (1 = sangat tidak setuju hingga 5 = sangat setuju). Data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 23, dengan fokus kepada analisis statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratusan, dan min bagi mengenal pasti corak tingkah laku delinkuen dan tahap penerimaan responden terhadap pendekatan psikologi dakwah.

HASIL KAJIAN & PERBINCANGAN

Responden terdiri dari kalangan remaja di Asrama Bahagia, Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Jadual 1 menjelaskan taburan demografi responden.

Jadual 1: Taburan demografi responden

Item	Demografi	Kekerapan	(%)
Jantina	Lelaki	0	0
	Perempuan	42	100
Umur	13	3	7.1
	14	6	14.3
	15	16	38.1
	16	13	31
	17	4	9.5
Bangsa	Melayu	37	88.1
	Cina	2	4.8
	India	2	4.8
	Chindian	1	2.4
Tahap pendidikan agama tertinggi	Tidak bersekolah	8	19
	Darjah 1	2	4.8
	Darjah 2	0	0
	Darjah 3	3	7.1
	Darjah 4	2	4.8
	Darjah 5	8	19
	Darjah 6	17	40.5
	Peralihan	2	4.8

Sumber: Soal Selidik (2024)

Berdasarkan Jadual 1, hasil analisis demografi responden memberikan gambaran tentang latar belakang kumpulan kajian ini. Kajian ini melibatkan 100% pelajar perempuan, tanpa penyertaan lelaki kerana Asrama Bahagia

hanya menempatkan penghuni perempuan sahaja. Dari segi umur, majoriti responden berada dalam lingkungan umur 15 tahun (38.1%) dan 16 tahun (31%). Ini mencerminkan bahawa kajian ini memberi tumpuan kepada remaja yang berada pada peringkat menengah atas, yang merupakan fasa kritikal perkembangan personaliti dan tingkah laku. Responden termuda adalah berumur 13 tahun (7.1%), manakala bilangan responden menurun sedikit pada umur 17 tahun (9.5%).

Dari segi bangsa, responden terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik, namun majoritinya adalah Melayu (88.1%). Jumlah responden dari kalangan bangsa lain seperti Cina (4.8%), India (4.8%), dan Chindian (2.4%) menunjukkan bahawa kajian ini lebih tertumpu kepada kumpulan remaja Melayu. Dari aspek tahap pendidikan agama tertinggi, data menunjukkan bahawa majoriti responden telah mencapai tahap pendidikan agama Darjah 6 (40.5%). Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar remaja telah menamatkan pendidikan asas agama, yang biasanya menjadi asas kepada pembentukan nilai dan akhlak dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam. Bagaimanapun, terdapat sebilangan besar responden yang tidak pernah bersekolah agama (19%), mencerminkan bahawa terdapat kepelbagaian latar belakang pendidikan agama dalam kalangan responden. Tahap pendidikan agama yang lain seperti Darjah 5 (19%), Darjah 3 (7.1%), Darjah 1, Darjah 4, dan Peralihan masing-masing mencatatkan jumlah responden yang lebih kecil (4.8%). Tiada responden pada tahap Darjah 2 (0%), yang menunjukkan mungkin terdapat ketidakseimbangan pada peringkat tertentu dalam pendidikan agama.

### Bentuk Tingkah Laku Delinkuen Remaja

Bahagian ini mengkaji bentuk tingkah laku delinkuen remaja yang mengandungi sebanyak 21 item soalan dibentuk berdasarkan ciri-ciri tingkah laku delinkuen remaja yang telah dikenal pasti dan terdapat 3 item yang mempunyai nilai min yang tertinggi.

Jadual 2: Bentuk Tingkah Laku Delinkuen Remaja

TINGKAH LAKU	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
Memeras ugut	19 (45.2%)	7 (16.7%)	7 (16.7%)	5 (11.9%)	4 (9.5%)	2.24
Gangster	20 (47.6%)	9 (21.4%)	6 (14.3%)	6 (14.3%)	1 (2.4%)	2.02
Lumba haram/ merempit	16 (38.1%)	6 (14.3%)	2 (4.8%)	12 (28.6%)	6 (14.3%)	2.67

Mencuri	12 (28.6%)	7 (16.7%)	7 (16.7%)	13 (31%)	3 (7.1%)	2.71
Mengancam/memukul/ mencederakan	16 (38.1%)	5 (11.9%)	4 (9.5%)	13 (31%)	4 (9.5%)	2.62
Mencabul kehormatan	18 (42.9%)	8 (19%)	8 (19%)	6 (14.3%)	2 (4.8%)	2.19
Bergaduh/ Berlawan	13 (31%)	2 (4.8%)	4 (9.5%)	19 (45.2%)	4 (9.5%)	2.98
Tunjuk Perasaan	10 (23.8%)	2 (4.8%)	5 (11.9%)	20 (47.6%)	5 (11.9%)	3.19
Memiliki/ Menyimpan	22 (52.4%)	8 (19%)	2 (4.8%)	6 (14.3%)	4 (9.5%)	2.10
Dadah/ Pil Khayal						
Menghidu Gam	26 (61.9%)	8 (19%)	4 (9.5%)	2 (4.8%)	2 (4.8%)	1.71
Merokok	17 (40.5%)	2 (4.8%)	4 (9.5%)	9 (21.4%)	10 (23.8%)	2.83
Vape	10 (23.8%)	1 (2.4%)	5 (11.9%)	14 (33.3%)	12 (28.6%)	3.40
Minum Arak	18 (42.9%)	7 (16.7%)	4 (9.5%)	7 (16.7%)	6 (14.3%)	2.43
Ponteng Sekolah	7 (16.7%)	2 (4.8%)	11 (26.2%)	12 (28.6%)	10 (23.8%)	3.38
Melakukan seks	9 (21.4%)	3 (7.1%)	1 (2.4%)	19 (45.2%)	10 (23.8%)	3.43
Menonton video lucuh	10 (23.8%)	3 (7.1%)	4 (9.5%)	18 (42.9%)	7 (16.7%)	3.21
Mengunjungi pusat hiburan	10 (23.8%)	5 (11.9%)	6 (14.3%)	12 (28.6%)	9 (21.4%)	3.12
Membuli Rakan	17 (40.5%)	8 (19%)	2 (4.8%)	7 (16.7%)	8 (19%)	2.55

Sumber: Soal Selidik (2024)

Berdasarkan jadual 2, dapatan kajian menunjukkan nilai min yang diperoleh, bentuk tingkah laku delinkuen remaja dalam kalangan responden menunjukkan trend yang membimbangkan. Aktiviti melakukan seks mencatatkan nilai min tertinggi (3.43), diikuti dengan penggunaan vape (3.40) dan ponteng sekolah (3.38). Ketiga-tiga nilai ini menunjukkan kekerapan perilaku yang hampir serupa, menggambarkan tahap keseriusan isu-isu sosial dalam kalangan remaja. Data ini mencerminkan perlunya langkah-langkah pemulihan yang berfokus untuk menangani aktiviti berisiko ini secara menyeluruh, dengan pendekatan yang dapat menangani punca dan faktor penyumbang yang mendasari perilaku tersebut.

Hasil kajian mendapati, salah laku delinkuen yang paling banyak

dilakukan mengikut bilangan “setuju” dan “sangat setuju” ialah melakukan seks (29 responden), diikuti oleh vape (26 responden), menonton video lucah (25 responden), tunjuk perasaan (25 responden), dan ponteng sekolah (22 responden. Sebaliknya, tingkah laku yang paling jarang dilakukan adalah menghidu gam (4 responden), gangster (7 responden), memeras ugut (9 responden), mencabul kehormatan (8 responden), dan memiliki/menyimpan dadah/pil khayal (10 responden). Justeru pendekatan psikologi dakwah yang menekankan elemen *tazkiyah al-nafs*, motivasi, bimbingan jiwa dan kaunseling dan kasih sayang wajar diterapkan sebagai langkah pemulihan yang efektif.

## PENDEKATAN PSIKOLOGI DAKWAH DALAM MENANGANI TINGKAH LAKU DELINKUEN REMAJA DI ASRAMA BAHAGIA.

Bahagian ini menganalisis pendekatan psikologi dakwah kepada remaja yang bertingkah laku delinkuen terhadap responden di Asrama Bahagia, Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Menurut Amila (2018), terdapat empat pendekatan psikologi dakwah, iaitu pendekatan *tazkiyah al-nafs*, pendekatan bimbingan jiwa dan kaunseling Islam, pendekatan kasih sayang dan pendekatan emosi.

### Pendekatan *Tazkiyah al-Nafs*

Bagi hasil kajian berdasarkan pendekatan *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa), terdapat 7 item di dalam soal selidik kajian. Daripada 7 item berkenaan, 3 item menunjukkan nilai min yang tertinggi iaitu item “membaca Surah al-Fatihah” (min=3.60) diikuti item “berdoa” dan “beristighfar” yang mengumpul bilangan min yang sama (min=3.52). manakala bagi 4 item yang lain menunjukkan nilai skor min bagi tahap tinggi iaitu (min=3.24) hingga (min=3.38). Hasil analisis secara umum bagi pendekatan *tazkiyah al-nafs* menunjukkan kesemua item mempunyai interpretasi nilai min yang tinggi serta responden bersetuju dengan pendekatan ini. Perkara ini menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap kepercayaan dan keimanan kepada Allah adalah sangat tinggi.

Jadual 3: Pendekatan *Tazkiyah al-Nafs*

PERKARA	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
Solat lima waktu sehari semalam	2 (4.8%)	3 (7.1%)	20 (47.6%)	13 (31%)	4 (9.5%)	3.33

Membaca Surah al-Fatihah	3 (7.1%)	1 (2.4%)	13 (31%)	18 (42.9%)	7 (16.7%)	3.60
Berzikir	5 (11.9%)	1 (2.4%)	13 (31%)	19 (45.2%)	4 (9.5%)	3.38
Membaca Al-Quran	4 (9.5%)	3 (7.1%)	16 (38.1%)	16 (38.1%)	3 (7.1%)	3.26
Berdoa	3 (7.1%)	3 (7.1%)	10 (23.8%)	21 (50%)	5 (11.9%)	3.52
Beristighfar	4 (9.5%)	2 (4.8%)	9 (21.4%)	22 (52.4%)	5 (11.9%)	3.52
Solat taubat	5 (11.9%)	4 (9.5%)	13 (31%)	16 (38.1%)	4 (9.5%)	3.24

Sumber: Soal Selidik (2024)

### Pendekatan Bimbingan Jiwa dan Kaunseling Islam

Jadual 8 menunjukkan pendekatan bimbingan jiwa dan kaunseling Islam. Hasil analisis bagi pendekatan kaunseling menunjukkan kesemua item mempunyai nilai min yang sederhana. Item yang mengumpul min tertinggi adalah item “saya dapat membezakan baik dan buruk selepas sesi kaunseling” dengan (min=2.98).

Nilai min untuk semua item berada dalam lingkungan 2.48 hingga 2.98, menunjukkan responden secara umum berada dalam keadaan tidak pasti atau cenderung kepada tidak bersetuju. Corak ini mencadangkan bahawa responden kurang yakin atau tidak mempunyai pengalaman yang mencukupi dengan kaunseling dan sokongan sosial dalam menangani masalah. Hasil kajian ini selari dengan kajian Salina Nen & Khairul Azmi Ibrahim (2018) yang mengkaji persepsi terhadap tingkah laku mendapatkan perkhidmatan psikologi/kaunseling dalam kalangan pelajar universiti. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat stigma umum masyarakat yang menghalang pelajar daripada menerima perkhidmatan kaunseling.

Jadual 4: Pendekatan Bimbingan Jiwa dan Kaunseling Islam

PERKARA	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
Saya berjumpa kaunselor apabila menghadapi masalah	14 (33.3%)	5 (11.9%)	4 (9.5%)	12 (28.6%)	7 (16.7%)	2.83
Saya menceritakan masalah kepada	17 (40.5%)	5 (11.9%)	7 (16.7%)	8 (19%)	5 (11.9%)	2.50

ibu bapa dan orang sekeliling						
Sesi kaunseling boleh mengurangkan tekanan yang saya hadapi	17 (40.5%)	6 (14.3%)	6 (14.3%)	8 (19%)	5 (11.9%)	2.48
Saya dapat membezakan baik dan buruk selepas sesi kaunseling	10 (23.4%)	4 (9.4%)	11 (26.2%)	11 (26.2%)	6 (14.3%)	2.98

Sumber: Soal Selidik (2024)

### Pendekatan Motivasi

Berdasarkan Jadual 9 pendekatan motivasi hasil analisis menunjukkan terdapat dua item yang mempunyai nilai min yang tinggi iaitu item saya mengawal diri daripada melakukan perkara negatif (min=3.31). Diikuti item saya takut sekiranya diancam dengan perkara yang buruk (min=3.12). Menurut Abdullah (2019) motivasi merupakan daya yang mendorong seseorang manusia dari dalam naluri. Ia juga boleh mengawal seseorang daripada melakukan perkara negatif dan menghasilkan semangat bagi mencapai kejayaan.

Jadual 5: Pendekatan Motivasi

PERKARA	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
Saya mengawal diri daripada melakukan perkara negatif	7 (16.7%)	6 (14.3%)	7 (16.7%)	11 (26.2%)	11 (26.2%)	3.31
Kem motivasi dapat meningkatkan motivasi diri saya	10 (23.4%)	5 (11.9%)	10 (23.4%)	13 (31%)	4 (9.5%)	2.90
Saya takut sekiranya diancam dengan perkara yang buruk	9 (21.4%)	5 (11.9%)	8 (19%)	12 (28.6%)	8 (19%)	3.12
Saya berubah lebih baik apabila mendengar ceramah motivasi	12 (28.6%)	5 (11.9%)	11 (26.2%)	9 (21.4%)	5 (11.9%)	2.76

Sumber: Soal Selidik (2024)

## Pendekatan Kasih Sayang

Berdasarkan Jadual 10 pendekatan kasih sayang dalam menangani tingkah laku delinkuen remaja. Hasil analisis menunjukkan terdapat 2 item yang mengumpul min tertinggi iaitu item guru sering mengajar dan membimbing saya ke arah kebaikan (min=3.55) dan saya rasa dihargai apabila mendapat pujian (min=3.24).

Pendekatan penuh kasih sayang serta memberikan perhatian dan sokongan kepada anak remaja mampu membantu mengurangkan tekanan yang mereka alami. Dalam Islam, tanggungjawab ini terletak pada ibu bapa untuk menyediakan didikan, perhatian, dan kasih sayang yang mencukupi kepada anak-anak. Kaedah ini juga berperanan dalam menstabilkan emosi remaja yang cenderung memberontak. Sikap kasih sayang dapat melunakkan hati dan jiwa yang keras, di samping membantu merawat emosi individu yang sedang mengalami tekanan (Fariza Md Sham, 2010).

Jadual 6: Pendekatan Kasih Sayang

Perkara	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
Ibu bapa selalu memberi kata kata semangat	12 (28.6%)	4 (9.5%)	6 (14.3%)	14 (33.3%)	6 (14.3%)	2.95
Ibu bapa banyak meluangkan masa dengan saya	15 (35.7%)	3 (7.1%)	7 (16.7%)	14 (33.3%)	3 (7.1%)	2.69
Guru sering mengajar dan membimbing saya ke arah kebaikan	6 (14.3%)	2 (4.8%)	6 (14.3%)	19 (45.2%)	9 (21.4%)	3.55
Saya rasa dihargai apabila mendapat pujian	7 (16.7%)	5 (11.9%)	8 (19%)	15 (35.7%)	7 (16.7%)	3.24

Sumber: Soal Selidik (2024)

Kesimpulannya, bagi remaja yang mempunyai masalah sosial adalah berbeza dengan remaja biasa. Hal ini kerana, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi sudut cara berfikir, sikap, emosi dan tingkah laku yang menyebabkan mereka melakukan salah lalu yang bertentangan dengan norma masyarakat. Dalam menangani tingkah laku delinkuen remaja perlu kepada pendekatan psikologi dakwah yang lebih dekat dengan jiwa remaja kerana asas pendekatan psikologi dakwah adalah berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Ia merupakan sumber utama dan menyeluruh dengan menyentuh aspek dalaman dan luaran seseorang individu berbanding pendekatan yang dibawa oleh psikologi Barat.

## KESIMPULAN

Kajian mendapati bahawa pendekatan psikologi dakwah memainkan peranan penting dalam menangani tingkah laku delinkuen remaja di Asrama Bahagia, Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Remaja semakin berani untuk melakukan salah laku delinkuen dan perkara ini semakin membimbangkan masyarakat. Pendekatan psikologi dakwah mestilah diterapkan dalam menangani isu ini bagi mengurangkan kadar masalah sosial remaja. Pendekatan *tazkiyah al-nafs* menunjukkan keberkesanan yang tinggi, di mana amalan seperti membaca Surah al-Fatihah, berdoa, dan beristighfar dapat meningkatkan keimanan dan ketenangan jiwa dalam kalangan responden. Walau bagaimanapun, pendekatan bimbingan jiwa dan kaunseling Islam kurang mendapat sambutan, kemungkinan disebabkan oleh stigma masyarakat terhadap kaunseling. Pendekatan motivasi pula membantu dalam mengawal tingkah laku negatif melalui dorongan dalaman, walaupun kesannya masih sederhana. Akhirnya, pendekatan kasih sayang terbukti penting, di mana perhatian dan sokongan daripada ibu bapa dan guru dapat memberi impak besar dalam membimbing remaja ke arah kebaikan serta menstabilkan emosi mereka. Gabungan pendekatan ini dapat memberi hasil yang lebih menyeluruh dalam usaha membentuk remaja yang lebih positif dan berakhlak mulia.

## PERNYATAAN ETIKA

Tiada

## KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

## PENGHARGAAN

Penghargaan kepada pihak pengurusan dan penghuni Asrama Bahagia, Kampung Pandan, Kuala Lumpur yang sudi bekerjasama dan memberi maklum balas terhadap soal selidik yang diedarkan.

## SUMBANGAN PENULIS

Nur Aleeya Zaini merangka idea asal kajian, reka bentuk metodologi dan penulisan draf awal artikel. Fariza Md Sham dan Siti Jamiaah Abdul Jalil melakukan suntingan kandungan dan penyeliaan keseluruhan penulisan artikel. Semua penulis telah menyemak dan meluluskan versi akhir artikel ini.

## RUJUKAN

- Ab Aziz Mohd Zin, Nor Raudah Siren & Siti Jamiaah Abdul Jalil. 2020. *Psikologi Dalam Dakwah*. Kuala Lumpur: UM Press.
- Abd Majid, M., Azizan, N. I., Mohamad, N., Usman, A. H., Mohd Haridi, N. H., Ismail, Z., & Abdul Rahman, A. H. 2021. Faktor Penglibatan Tingkah Laku Delinkuen dalam Kalangan Remaja: Satu Sorotan Literatur Sistemik. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(2): 12–27. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/128>
- Abd Majid, M., Azizan, N. I., Mohd Haridi, N. H., Mohamad, N., Usman, A. H., Ismail, Z., & Abdul Rahman, A. H. 2023. Program Pemulihan Akhlak Remaja Delinkuen di Pusat Pemulihan Akhlak Kelolaan Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. *Jurnal Pengajian Islam* 16(1): 22–41. <https://doi.org/10.53840/jpi.v16i1.236>
- Abdullah, M. Q. 2019. Motivation: We need Psychobiosocial Model. *Research and Reviews on Healthcare* 3(2): 1–2. <https://doi.org/10.32474/RRHOAJ.2019.03.000160>
- Al-Ghazali, Abi Hamid. 2010. *Ihyā' Ulūm al-Dīn*, ketua taḥqīq & takhrīj al-Shīkh Asʿad al-Ṣāgharjī.. Dimashq: Dar al-Faiha
- Azizan, N. I., Abd Majid, M., Mohamad, N., Usman, A. H., Mohd Haridi, N. H., Ismail, Z., & Abdul Rahman, A. H. 2022. Faktor Penglibatan Salah Laku Delinkuen dalam Kalangan Remaja: Kajian di Pusat Pemulihan.. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi* 9(2): 59–74. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v9i2.86>
- Brislin, S. J., Choi, M., & Hicks, B. M. 2024. Characterizing delinquent behavior in early adolescence: Results from the Adolescent Brain Cognitive Development- Social Development Study. <https://doi.org/10.31234/osf.io/5k9aw>
- Fariza Md Sham & Azyyati Mohd Nazim. 2015. Pendekatan psikologi dakwah dalam menangani remaja berisiko: fokus pendekatan bimbingan jiwa. *Jurnal Hadhari* 7(2): 63-73.
- Fariza Md Sham, 'Adawiyah Ismail. 2022. *Pendekatan Motivasi dalam Kehidupan Beragama Remaja*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

- Fariza Md Sham, Salasiah Hanin Hamjah, Mohd. Jirairi Sharifudin. 2023. *Personaliti dari Perspektif al-Ghazali*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Fariza Md Sham. 2009. Perkembangan Emosi Remaja dari Perspektif Psikologi Dakwah. Dalam, Khidzir Ismail, *Psikologi Islam Falsafah, Teori dan Aplikasi*. Bangi: Institut Islam Hadhari.
- Fariza Md Sham. 2010. Pendekatan psikologi dakwah dalam menangani masalah tekanan emosi remaja: Fokus kepada memberi perhatian dan kasih sayang. *Al-Hikmah* 2:107-117.
- Fariza Md Sham. 2015. Kemahiran psikologi dakwah kepada golongan remaja. *Al-Hikmah* 7(1): 95-101.  
<https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/28038>
- Malaysia Youth Data Bank System. 2025. Statistik Penglibatan & Tangkapan Juvana Dalam Jenayah Indeks Malaysia Bagi Tahun 2016- September 2024. Dicapai pada 23/2/2025.  
<https://ydata.iyres.gov.my/index.php?r=pub/home/readcontent4&i d=178>.
- Mohamed Hamdan Abdullah, Fariza Md Sham, & A'dawiyah Ismail. 2022. *Pendekatan Motivasi Dalam Kehidupan Beragama Remaja*. Bangi: UKM Press.
- Mohd Jodi, K. H. & Mansor, N. H. 2019. Kesiediaan remaja hamil luar nikah terhadap program kerohanian di pusat perlindungan wanita. *Islamiyyat* 41 (1): 59-68. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2019-4001-06>
- Noor Amila Abdul Halim. 2018. Pendekatan psikologi dakwah dalam menangani remaja berisiko di Sekolah Tunas Bakti Teluk Air Tawar Butterworth Pulau Pinang. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norruzeyati Che Mohd Nasir & Norzalinda Mohd Ali Hanafiah. 2015. Faktor internal individu dan delinkuen: Kajian ke atas remaja perempuan di Asrama Akhlak Perempuan, Jitra. *Jurnal Pembangunan Sosial* 18:185-202.  
<https://doi.org/10.32890/jps.18.2015.11519>
- Salina Nen & Khairul Azmi Ibrahim. 2018. Persepsi pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling di Universiti Kebangsaan Malaysia. *e-Bangi* 15(4): 93-103.
- Sun, R., & Wang, Y. 2023. The Influence of Family Factors on Juvenile Delinquency. *Lecture Notes in Education Psychology and Public Media* 5(1): 462-466. <https://doi.org/10.54254/2753-7048/5/20220666>
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail et al. 2021. Faktor-Faktor yang Menyumbang Kepada Keruntuhan Sahsiah Remaja Islam di Malaysia: Satu

Tinjauan Awal. E-Proceedings. International Convention on The Basic Structure of Constitution (ICOBAC) 2021: 212.

Zuliaty Zulkiffli. 2025. 'Buli: Pelajar Perempuan diikat kaki dan tangan, ditutup mulut, ditinggalkan di tandas'. Laman sesawang rasmi BH Online. Dicapai pada 31/7/2025.  
<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1422077/buli-pelajar-perempuan-diikat-kaki-dan-tangan-ditutup-mulut-ditinggalkan>

### **SENARAI PENGARANG**

Nur Aleeya Zaini (Penulis Penghubung)\*  
Pelajar  
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
E-mel: [a186399@siswa.ukm.edu.my](mailto:a186399@siswa.ukm.edu.my)

Prof. Dato' Dr. Fariza Md Sham  
Profesor  
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
E-mel: [farisham@ukm.edu.my](mailto:farisham@ukm.edu.my)

Dr Siti Jamiaah Abdul Jalil  
Pensyarah Kanan  
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
E-mel: [sitijamiaah82@ukm.edu.my](mailto:sitijamiaah82@ukm.edu.my)